

Eko-Kritik dalam Puisi Melayu

Ecocriticism in Malay Poetries

MOHD SABERI MUDA & MAS RYNNA WATI AHMAD

ABSTRAK

Perjuangan tentang kelestarian alam sekitar merupakan satu fenomena universal yang terdapat di seluruh dunia. Pencemaran udara, air sungai dan laut serta penerokaan hutan antara faktor yang menggugat kesejahteraan kehidupan. Pelbagai medium digunakan dalam mendidik dan memberi kesedaran umum tentang kepentingan kelestarian alam demi kerukunan kehidupan. Penulisan kesusasteraan merupakan salah satu kaedah yang dapat dinyatakan melalui novel, cerpen, puisi dan drama. Marzuki Ali merupakan seorang penyair dan aktivis teater yang memulakan karier awal tahun 80-an mempunyai satu gaya atau ‘signature’ dalam memperjuangkan alam sekitar. Karya-karya yang bersifat eko-kritik mendominasi keseluruhan karya-karya puisi beliau. Kumpulan puisi Jeritan Satwa Luka (2000), Bungkau Rimba Hujan Tropika (2008), Khazanah Segala Rimbun (2011) dan drama Dasila: Racau Satwa Rimba Tropika (terbitan dalam Dewan Sastera Disember 2015-Februari 2016) merupakan satu sekuel puisi beliau yang berlatarkan subjek alam sekitar. Ekologi, etika ekologi dan bahasa yang mendasari elemen eko-kritik turut menjadi unsur-unsur dominan dalam karya-karyanya. Pembangunan fizikal dan penerokaan hutan tanpa kawalan yang menggugat kelestarian flora fauna alam rimba yang menjadi subjek dalam teks turut menggabungkan maklumat dan ilmu sains, geografi dan sejarah. Ianya memperlihatkan karya tersebut bersifat didaktik serta berupaya menjadi rujukan kepada masyarakat umum. Keberanian, kelantangan dan keprihatinan Marzuki Ali dalam memperjuangkan alam sekitar telah memperlihatkan satu kronologi proses kreatifnya. Makalah ini akan memfokuskan bagaimana penyair mengangkat isu alam sekitar dalam karya kreatif Marzuki Ali yang menjadi refleksi kepada pemikirannya yang bertunjang kepada alam sekitar sebagai khazanah warisan yang akan datang.

Kata kunci: Kelestarian alam; flora fauna; pencemaran alam; eko-kritik; didaktik

ABSTRACT

The pursuit of global environmental sustainability has become a universal phenomenon, which has yet remained a struggle. Pollutions which affected rivers, oceans and severe deforestations have all contributed towards the ecological imbalances. Countless efforts through various mediums and approaches have been widely applied to educate the masses on the importance of sustainability; this with an intention to ensure a better, greener and safer world in the future. Literature has been identified able to become a tool to disseminate information and create awareness among the society. Marzuki Ali, a poet and a dramatist who started his literary career circa in the 80s has always known for his sensitivity towards the environmental plights. His collection of poems such as Jeritan Satwa Luka (2000), Bungkau Rimba Hujan Tropika (2008), Khazanah Segala Rimbun (2011) and also his drama, Dasila: Racau Satwa Rimba Tropika (published in Dewan Sastera December 2015-February 2016) are the depictions of his strong inclinations towards environment, hence he is known to be an ecocritic poet. It is to be found that, topics on ecology, ethics in ecology and symbolic language became the thrust of the subject matter in his creative works. The combinations of various knowledge that would relate science, geography and history have become his points in highlighting the effects of world’s pollution. Thus, his works can be perceived as to be didactic which could have easily become the point of reference to many. His perseverance in advocating his thoughts and being vocal on environmental issues have marked his creative endeavours. This paper will focus on the ways in which how Marzuki’s poems portrayed his concerns on environmental issues through his works. This would certainly reflect the poet’s strong sense in sharing his thoughts and concerns to sustain the environment as heritage for the next generations to live and appreciate.

Keywords: Sustainability of environment; flora and fauna; pollution; ecocriticism; didactic

PENGENALAN

Alam sebahagian daripada kehidupan seniman. Alam membekalkan pelbagai rangsangan, motivasi, ilham sebagai asas dalam berkarya. Secara analoginya alam dan seniman tidak dapat dipisahkan kerana ia mempunyai hubungan tersendiri berdasarkan persepsi sang seniman. Rasa kecintaan kepada alam, khususnya alam sekitar merupakan satu naluri semula jadi yang terdapat dalam diri manusia. Terdapat pelbagai kaedah yang dijalankan oleh masyarakat dalam menzahirkan rasa kecintaan kepada alam sekitar seperti kempen pemuliharaan alam sekitar, khidmat masyarakat dan tidak terkecuali dalam bentuk dokumentasi penulisan dengan pelbagai genre. Kesusasteraan merupakan satu disiplin ilmu yang berkait rapat dengan alam sekitar. Dalam perkembangan sastera tanah air, tema tentang alam sekitar terserlah dalam karya puisi dan novel. Unsur alam seperti gunung, laut, hutan, pantai, langit dan cakerawala menjadi bahan perlambangan atau metafora pada puisi-puisi sang penyair. Sebahagian besar puisi merupakan reaksi kreatif seorang penyair setelah proses interaksi, interpretasi dan integrasi berlaku dengan unsur-unsur alam tersebut. Interaksi bermaksud penyair berkomunikasi, bercakap dan bertindak balas dengan alam manakala interpretasi bermakna penyair mentafsir setiap objek alam sebagai pembawa makna yang lebih besar. Integrasi pula membawa maksud penyair menanggap alam adalah sama dan menyatukan dalam dirinya (Zurinah Hassan 2010: 13). Kenyataan Zurinah menjelaskan bahawa alam telah menjadi sebahagian dari kehidupan penyair itu sendiri.

Justeru itu, alam rimba dengan flora dan fauna, sungai dan laut menjadi satu subjek utama kepada penyair dalam menzahirkan kecintaan serta dalam sesuatu keadaan turut mempertahankan kelestariannya sebagai satu khazanah warisan yang bernilai. Pencemaran alam serta eksloitasi hutan rimba merupakan satu isu global di mana fenomena ini turut mendapat perhatian para seniman dalam menyuarakan pendirian, pandangan serta protes terhadap isu berkenaan. Sehubungan itu, menurut Hamoud Yahya Ahmed dan Ruzy Suliza Hashim (2012), kajian mengenai alam flora dan fauna dan hubungannya dalam puisi kini menjadi suatu bidang yang baru dalam genre kritikan sastera moden. Kajian ini menarik perhatian ramai pengkritik kerana ia lebih memfokuskan tentang kesan alam dalam hubungannya dengan manusia dan alam

binatang. Bahkan, pendekatan Eko-Kritik itu mampu membicarakan isu pencemaran alam yang boleh mendatangkan kesan negatif dalam kehidupan secara menyeluruh.

Marzuki Ali, seorang penyair dan aktivis teater Malaysia turut memfokuskan perjuangan terhadap alam sekitar tanah air melalui karya-karya puisi dan drama. Tiga buah kumpulan puisinya *Jeritan Satwa Luka* (2000), *Bungkau Rimba Hujan Tropika* (2008), *Khazanah Segala Rimbun* (2010) serta Dasila: Racau Satwa Luka Rimba Tropika (*Dewan Sastera Disember 2015-Februari 2016*) memperlihatkan sekuel subjek dan tema yang digarapkan dalam kumpulan puisi tersebut. Ketiga-tiga kumpulan puisi tersebut menghimpunkan dokumentasi atau direktori alam rimba, kempen pemuliharaan khazanah hutan serta suara kritikan dan protes yang tegas dan lantang. Terdapat lagi beberapa kumpulan puisi dan kumpulan skrip dekon dalam proses penerbitan bersama dengan penerbit-penerbit tempatan, namun dari sekian banyak teks hanya *Jeritan Satwa Luka* (2000) dan *Bungkau Rimba Hujan Tropika* (2008) dipilih digunakan sebagai teks untuk perbincangan. Puisi-puisi dari kumpulan puisi tersebut yang berteraskan pada kritikan eko menjadi justifikasi utama pemilihan teks tersebut.

METODOLOGI KAJIAN

Dalam memenuhi impian ke arah Malaysia sebagai sebuah negara yang maju, negara telah mengalami banyak kemasuhanan ekologi yang teruk akibat dari kesan sistem ekonomi kapitalis yang mengeksplorasi khazanah asli negara atas dasar pembangunan. (Zainor Izzat Zainal & Suhada Fadzil 2018). Sehubungan itu, isu kemasuhanan alam sekitar dan kesannya kepada masyarakat membuka ruang untuk penulis tempatan untuk turut berkongsi kerisauan mereka melalui karya-karya mereka.

Walau hubung kait antara alam dan manusia serta binatang itu sering dijadikan bahan sebagai reaksi kreatif oleh penyair atau penulis, namun demikian, kajian tentang hubung kait ini jarang disentuh sebagai kajian dalam kritikan sastera Melayu moden. Untuk tujuan ini, makalah akan menjuruskan kajian dengan menggunakan pendekatan eko-kritik yang agak baru dan masih lagi kurang penggunaannya dalam bidang kritikan sastera di tanah air.

Eko-kritik merupakan suatu bidang yang baru dalam dunia kritikan sastera terutamanya dalam perkembangan kritikan sastera Melayu moden. Eko kritikan ini memfokuskan bagaimana sastera

itu mampu menggalurkan hubung kait alam dengan manusia dan bukan manusia secara rinci. Gelombang pertama kewujudan kritikan ini telah dipelopori oleh Cheryll Glotfelty, seorang pelajar pascasiswasah yang juga bekerja sebagai pembantu editor American Nature of Writing dan Glen Love seorang profesor bahasa Inggeris di University of Oregon ketika persidangan Western Literature Association (WLA) di Amerika Syarikat pada tahun 1989. Dengan pendedahan yang telah dibuat, maka sejak itu, terma tersebut terus diguna pakai hingga kini (Hamoud Yahya Ahmed & Ruzy Suliza Hashim 2012). Terma eko-kritik itu seterusnya menjadi suatu bentuk kajian multidisiplin yang dapat merentas bidang disiplin ilmu yang lain dan ini menghubungkan dunia ilmu yang lebih meluas sifatnya.

Selain memfokuskan hubungan secara langsung antara alam semula jadi, manusia dan haiwan, kritikan ini juga melihat bagaimana ia memberikan kesan secara tidak langsung yang lebih kritis dalam hubungan dinamik alam di dunia ini. Menurut Saroja Dhanapal & Kalai V. Rajandram (2014), eko-kritik mampu mengangkat isu global yang lebih meruncing iaitu kesan negatif akan pencemaran alam sekitar kepada kehidupan sejagat. Eko-kritik dapat melihat bagaimana penulis dan penyair yang begitu mengambil berat akan permasalahan ini. Secara langsung, tidak kurang ramai antara penulis yang memberikan solusi atau cara penyelesaian secara tidak langsung dalam karya-karya mereka. Memandangkan bahawa isu ini adalah bersifat universal, Mohd Shafeea Leman (2010: 27) menggesa pihak agensi yang bertanggungjawab untuk memberikan perhatian yang serius dan mengambil tindakan yang rapi dalam mengendalikan isu berkenaan alam sekitar bagi mengelakkan kemusnahan yang berterusan akibat kerakusan manusia sendiri. Kesedaran tentang kepentingan alam sekitar itu perlu diperkasakan untuk semua golongan masyarakat dan pelbagai medium digunakan bagi memenuhi tujuan ini. Wacana tentang alam sekitar dan hubungannya antara manusia sejagat bukan lagi menjadi eksklusif di kalangan golongan saintis sahaja, malahan pengkarya dan pengkritik sastera juga dapat berganding bahu membincangkan permasalahan ini dan mencari penyelesaian jangka panjang yang lebih selamat dan efektif (Zawawi Ibrahim & Sharifah Zarina Syed Zakaria 2009).

Marzuki Ali turut terpanggil untuk mengetengahkan kerisauan beliau dalam puisi nukilannya yang sangat kritis terhadap isu pembangunan yang tidak terkawal. Sehubungan itu, perbincangan yang terkandung di dalam makalah ini akan dimulakan dengan memberikan gambaran secara menyeluruh akan hasil karya yang pernah diterbitkan oleh penyair sebelum ini. Seterusnya, untuk tujuan kajian yang lebih rinci, makalah akan lebih memfokuskan kepada puisi dan teks drama pilihan yang terdapat dalam empat buah kumpulan puisi dan drama beliau, iaitu, kumpulan puisi *Jeritan Satwa Luka* (2000), *Bungkau Rimba Hujan Tropika* (2008), *Khazanah Segala Rim bun* (2011) dan drama Dasila: Racau Satwa Rimba Tropika (terbitan dalam *Dewan Sastera* Disember 2015-Februari 2016). Dengan ini, makalah akan membincangkan bagaimakah eko-kritikan itu dapat mengangkat keprihatinan Marzuki Ali dalam membicarakan isu alam sekitar melalui simbol yang sangat signifikan. Karya beliau yang banyak ditransformasikan dalam bentuk puisi ke teater juga melambangkan Marzuki sebagai penyair yang sensitif tentang kepentingan dan perubahan alam yang berpunca daripada sifat manusia yang tamak serta mementingkan diri.

PUISI-PUISI MARZUKI ALI

Jeritan Satwa Luka terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka tahun 2000 menggarap peristiwa dan latar kehidupan mergastua yang terancam oleh kesan pembangunan. Marzuki sebagai pencinta alam sekitar dan kehidupan di rimba menyuarakan kegusaran dan simpati terhadap fenomena tersebut. Manakala kumpulan puisi *Bungkau Rimba Hujan Tropika* juga terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka (2008), Marzuki memfokuskan kepada masalah ekosistem yang menggugat penghuni belantara. Kedua-dua kumpulan puisi ini merupakan sekuel tentang khazanah alam sekitar yang menjadi warisan dan memerlukan kepada komitmen semua lapisan masyarakat dalam memulihara serta menjadikannya sebahagian dari kehidupan masa kini. Menerusi judul teks seperti *Jeritan Satwa Luka* dan *Bungkau Rimba Hujan Tropika* sudah memberikan gambaran awal tentang subjek yang diperkatakan dalam teks.

JADUAL 1. Klasifikasi puisi dari kumpulan puisi

Tajuk Teks	Klasifikasi Puisi				Jumlah
	Flora	Fauna	Nama Khas/Tempat	Lain-lain (selain dari flora, fauna dan nama khas)	
<i>Jeritan Satwa Luka</i>	1	40	11	9	61
<i>Bungkau Rimba Hujan Tropika</i>	9	55	27	20	111

Jadual 1 memperlihatkan fokus Marzuki Ali dalam memilih subjek karya flora dan fauna yang menjadi teras kepada puisi-puisi yang dihasilkan. Secara umumnya unsur pengulangan atau interteks dari karya sendiri terdapat dalam kedua-dua buah kumpulan puisi tersebut. Pengulangan

subjek serta isu tentang ‘survival’ warga rimba ini jelas memperlihatkan keseriusan, penegasan, keprihatinan serta fokus perjuangan alam sekitar yang kental. Jadual 2 menyenaraikan antara subjek-subjek yang popular yang terdapat dalam kedua-dua buah kumpulan puisi tersebut.

JADUAL 2. Subjek dalam kumpulan puisi

Subjek	<i>Jeritan Satwa Luka</i>	<i>Bungkau Rimba Hujan Tropika</i>
Rimba & Khazanah Alam	“Taman Negara Bukit Lambir”:13	“Rima Hutan Tropika”:45
Binatang/Haiwan	“Gajah”:42 “Gajah Afrika”:49 “Kambing Gurun”:84 “Buaya”:6 “Sang Harimau”: 4-5 “Katak”: 24 “Setelah itu Penyu Belimbing pun”: 19	“Gajah”:148 “Kambing Gurun di Gunung”:129 “Buaya Tembaga”:120 “Anak Harimau Malaya”:123 “Lompat Melompat Katak”:22 “Rantau Belimbing”: 37
Burung-Burung	“Kedidi”: 125 “Kawanan Burung Enggang”: 76	“Rintih Burung Putih pada Paya yang ditinggalkan”: 93 “Sumpah Helang”: 161 “Nyanyian Enggang Kenyalang”: 36 “Di bawah Resam-Resam Paku”: 174 “Rama-Rama Taman Kaca”: 138 “Hutan Bakau”: 75 “Sayangi Sungai Kita”: 18
Pokok Paku Pakis	“Pokok Paku”: 16	Manakala <i>Sape Lamanta</i> (DBP 2009) dengan puisi “Seperti Mudik ke Tengah Sukmamu Kalimantan”, “Sungai Tuaran ii”, “Jeram Bunsit”, “Pantai Pasir Panjang”, “Akar-akar Pandan, Burung dan Perawan Impian”, “Penghuni Rimba”, “Seribu Sungaiku Bumiku Banjar”, “Pohonku”, “Sungai Kinabatangan”, “Arus Kalimantan”, “Lagun ii”, “Kota Bumi Khatulistiwa”, “Dendang Si Burung Merpati”, “Sungai Segama” dan “Selat Gaya”.
Rama-Rama	“Salam Berlaksa Kupu-kupu dan Rama-Rama”: 21	
Hutan Bakau	“Burung Punai dan Taman Bakau Terakhir”: 97	
Sungai	“Selamatkan Sumber Air Bersih”: 110	

Harimau, gajah, kambing gurun, buaya, penyu, helang, enggang, rama-rama, pokok paku-pakis, hutan bakau dan sungai antara khazanah rimba yang terdapat dalam kumpulan puisi tersebut yang mana mewakili keseluruhan warga rimba sama ada di darat, di air serta di udara. Jangka masa penghasilan karya-karya tersebut antara tahun 2000 sehingga 2008 turut memperlihatkan proses kreatif Marzuki Ali yang kekal konsisten dalam isu alam sekitar yang diperjuangkan. Antara jangka masa tersebut terdapat juga beberapa kumpulan puisi beliau yang berhasil turut menyelitkan beberapa karya dengan tema alam sekitar seperti *Rahang Lahar* (DBP 2003) dengan puisi-puisi “Gilauan Maya Kenyir”, “Bukan Teluk Kemang Itu, Kataku”, “Sekelian Jerah Rindu, Pulauku Pangkor” dan “Gurindam Nyanyian Laut”.

Alam adalah anugerah Tuhan yang merupakan sebahagian dari kehidupan yang memerlukan kepada tanggungjawab dan amanah bagi memelihara dan melestarikan kehidupan tersebut. Kenyataan ini merupakan tunjang kepada pemikiran Marzuki Ali dalam karya-karya beliau. Selanjutnya beliau mengulas (Marzuki Ali 2018):

Alam adalah anugerah Tuhan yang merupakan sebahagian dari kehidupan yang memerlukan kepada tanggungjawab dan amanah bagi memelihara dan melestarikan kehidupan tersebut. Kenyataan ini merupakan tunjang kepada pemikiran Marzuki Ali dalam karya-karya beliau. Selanjutnya beliau mengulas (Marzuki Ali 2018):

Alam sebagai makhluk Tuhan, seperti juga manusia yang saling lengkap-melengkapi antara satu sama lain. Sekecil mana makhluk Tuhan ini ianya tetap menyumbang sesuatu kepada kehidupan kita semua. Justeru itu sikap saling hormat, toleransi, tanggung jawab, peduli adalah menjadi nilai yang perlu ada pada semua manusia sejagat dalam melestarikan alam sekitar.

Keberanian, kelantangan serta kritikan yang dilontarkan kepada individu atau oportunistis dalam menggugat keharmonian alam sekitar ini memang jelas terdapat dalam teks kajian. Tindakan ini selaras dengan saranan dari Baha Zain (2014: 71) dalam *Esei dan Puisi Baha Zain* agar seniman mempunyai tanggungjawab yang sama besar bagi mencipta keindahan lapangan dan alam persekitaran melalui daya kreatif dan sensitiviti estetiknya supaya bangsa kita bertukar menjadi sopan, sensitif, beradab dan berbudi bahasa.

EKO-KRITIK DALAM PUISI MARZUKI ALI

Menurut Glofelly (1966) kritikan eko adalah satu bidang kritikan yang mengkaji dan menghubungkan antara sastera dengan persekitaran fizikal. Dengan kata lain hubungan ini adalah persepsi interaksi alam dengan budaya. Pendekatan budaya berfokus kepada tanggapan dan tindakan manusia terhadap alam sama ada secara positif atau negatif. Ada manusia beranggapan alam sebagai pelindung dan temannya, maka ia dipelihara sebaliknya ada yang beranggapan alam adalah sumber kekayaan dan musuh atau penghalang pembangunan, maka ia dieksplorasi dan dimusnahkan Cheryll Glotfelty (1996: xvii):

Ecocriticism is the study of the relationship between literature and the physical environment.

Perjuangan kelestarian alam sekitar yang dipaparkan oleh Marzuki Ali menerusi himpunan puisi-puisi beliau yang kemudian ditransformasikan dalam bentuk drama itu mencerminkan kepenggarangan beliau yang sangat sendeng kepada kajian menjuruskan kepada karya-karya eko-kritik (Mohd Saberi Muda & Mas Rynna Wati Ahmad 2017). Puisi-puisi Marzuki Ali menjelaskan kelantangan kritikan dan keberanian beliau dalam menyuarakan isu alam sekitar. Kesungguhan, keseriusan serta penegasan pengarang dalam isu-isu alam sekitar diperjuangkan terdapat dalam karya-karya puisi dalam lain-lain kumpulan puisi dan antologi yang dihasilkan.

Puisi-puisi dari kumpulan *Jeritan Satwa Luka* dan *Bungkau Rimba Hutan Tropika* menjelaskan kelantangan kritikan dan keberanian Marzuki Ali dalam menyuarakan isu alam sekitar. Sebagai contoh, puisi “Dukanya Seorang Kekasih” yang menceritakan demonstrasi dan aksi protes warga rimba kepada Menteri Pembangunan dengan gaya penuh dramatik:

...
warga rimba raya lagi sedang mengadakan rapat raksasa
sedang mengatur barisan bertindak
siap tempur untuk suatu demonstrasi besar
mereka akan mengadakan perarakan
lewat jalan, lorong dan longkang
dengan berjuta sepanduk kutukan
dan mereka berarak menuju ke kantor menteri
pembangunan
untuk menyampaikan satu protes
- selamatkanlah kehijauan
- selamatkan kami warga rimba!

“Dukanya Seorang Kekasih”
(Marzuki Ali 2000: 32)

Diksi ‘berjuta sepanduk kutukan’ dan ‘berarak ke kantor menteri pembangunan’ memperlihatkan unsur keberanian dan protes lantang tanpa mengira individu dalam memperjuangkan kelestarian alam hijau. Demonstrasi aman ini dilakukan bagi mendapat perhatian pihak berwajib dalam menyelamatkan demi kesejahteraan warga rimba terutama Menteri Pembangunan. Manakala dalam teks drama “Dasila: Racau Satwa Luka Rimba Tropika” watak Badut diwujudkan mewakili suara Marzuki sebagai sebuah pesanan kepada masyarakat:

Badut:

Marilah kita lestarikan alam permai hijau
Jangan dirosakkan tangan
Hutan jangan dicerobohi haloba semua senang
Haiwan diburu jangan sembarangan
Tercela dan khianat buatan

Koor:

Panjatkan syukur makhluk melata
Segala limpah kurnia
Hijau alam sesejuk memandang
Kurnia yang Maha Esa Rahmatnya.

“Dasila: Racau Satwa Luka Rimba Tropika”
(Dewan Sastera, Disember 2015: 66)

Kedua-dua rangkap dalam skrip ini menjadi dialog pembukaan serta penutupan. Perulangan dialog ini jelas memperlihatkan penegasan, saranan serta tunjang kepada perjuangan dalam puisi-puisi Marzuki Ali. Kedua-dua rangkap ini memberi

fokus pada tanggungjawab manusia menghargai dan melindungi anugerah Tuhan sebagai satu tanda kesyukuran terhadap anugerah tersebut. Kegiatan merosakkan kelestarian alam seperti haloba menceroboh hutan dan memburu tanpa kawalan adalah perbuatan ‘tercela dan khianat’ terhadap amanah yang dipertanggungjawabkan oleh Tuhan.

Pemaparan yang jelas akan pergelutan hidup atau *survival* warga rimba akibat kesan pembangunan dapat dilihat dari puisi yang terkandung di dalam kumpulan puisi *Jeritan Satwa Luka Pencemaran*, kekurangan sumber makanan, eksplorasi hutan rimba, pembinaan empangan jana kuasa elektrik adalah antara isu yang dimuatkan dalam karya tersebut. Antaranya berbunyi:

...
di kiri kanan bahtera, ombak badai
pembangunan yang menghadang hala
mereka perlu laluan dan tapak gah
kondo, kilang, padang golf 18 lubang
atau hotel mewah
...
doakan agar tanah penantian kami
akan terhampar dengan rimba hijau
dan terlepas dari amukan perkosaan
dan serakah yang berwajah kuasa
...

“Noah Ark Kedua”
(Marzuki Ali 2000: 66)

Pembangunan dimetaforakan pengarang sebagai ‘ombak badai’ yang menghadang hala kelestarian hidup warga rimba. Kondo, kilang, padang golf dan hotel mewah telah menggantikan habitat mereka sehingga berharap sebuah tempat baharu yang bebas dari sebarang eksplorasi dan ‘keserakah’ kuasa. Protes dan kritikan secara lantang Marzuki Ali suarakan melalui:

...
warga rimba raya lagi sedang mengadakan rapat raksasa
sedang mengatur barisan bertindak
siap tempur untuk mengadakan suatu demonstrasi besar
mereka akan mengadakan perarakan
lewati jalan, lorong dan longkang
dengan berjuta sepanduk kutukan
dan mereka berarak menuju ke kantor menteri
pembangunan
untuk menyampaikan satu protes
- selamatkan kehijauan
- selamatkan kami warga rimba!
...

“Dukanya Seorang Kekasih”
(Marzuki Ali 2000: 31-32)

Puisi ini merupakan sebahagian dari adegan tunjuk perasaan atau demonstrasi aman kumpulan Kelelawar yang berarak mengemukakan memorandum kepada menteri pembangunan yang bertujuan untuk pemuliharaan alam hijau dan warga rimba. ‘Selamatkan kehijauan’ dan ‘selamatkan kami warga rimba’ yang mengakhiri baris puisi ini menjadi tunjang pada persoalan dalam puisi tersebut. Puisi yang difokuskan kepada pihak pentadbir negara atau Menteri Pembangunan memperlihatkan keberanian serta ketegasan Marzuki dalam menyuarakan isu alam sekitar ini yang memerlukan komitmen dan semua peringkat masyarakat. Hasil dapatan dari kajian yang dijalankan oleh Jamilah Hj Ahmad et al. (2011: 114), mendapati tahap kesedaran masyarakat di Malaysia adalah rendah. Ini amatlah menyedihkan apabila isu alam sekitar ini hanya dianggap sebagai tanggungjawab kerajaan semata-mata dan bukan tanggungjawab yang perlu digalas Hujahan Marzuki Ali dalam puisi “Kemelut Babi-babi Hutan” cukup rasional dengan situasi masa kini. Beliau melontarkan sindiran secara sinis setelah spesies babi hutan ini dinafikan haknya untuk terus hidup. Habitat tempat tinggal dan sumber makanannya terjejas bilamana hutan telah dikorbankan untuk sebuah pembangunan. Secara ironi, penyair menggunakan frasa ‘babi-babi hutan tidak tau erti berlara perasaan’ dan ‘percuma menerima berputih mata keadaan perubahan’ ini menjelaskan pandangan Marzuki secara sinikal persepsi individu yang membabat hutan rimba dengan mengetepikan hak dan ‘kebergantungan’ warga rimba lainnya:

...
babi-babi hutan kehilangan hutan
sebab hutan telah dibabat habis-habisan
sebab hutan sudah dimiliki orang berwang
sebab hutan dirasakan tidak sesuai dengan
zaman
pembangunan
babi-babi hutan sudah menjadi binatang yang
tak punya tempat untuk diam
babi-babi hutan tidak tau erti berlara perasaan
atau percuma menerima berputih mata keadaan
perubahan
...

“Kemelut Babi-babi Hutan”
(Marzuki Ali 2008: 47-48)

Puisi “Pejuang Terakhir Seekor Gajah Jantan” turut memvisualkan kesan simpati terhadap seekor Gajah yang akhirnya mati akibat keracunan makanan dan minuman kesan dari pembukaan kawasan hutan

baharu. Harapan Marzuki, kesan dari simpati ini mampu menjadi teladan kepada semua ahli masyarakat yang terlibat dalam pembangunan lebih berhati-hati dengan mengambil kira tentang kehidupan lain:

...
ia meraung untuk rimbanya yang telah musnah
kayu-kayan yang sekalian dibabat manusia
ia mencucuri air mata pedih
kerana polah insani haloba
yang lebih mementingkan pembukaan hutan
untuk dijadikan ladang pembangunan
berhektar-hektaran
...
ia rebah tersungkur di debuan tanah pasir
merah yang kian tercemar
air sungai tercuka dan racun membunuh
ia akhirnya tewas bersama haknya
persekitaran yang ternoda!

“Pejuang Terakhir Seekor Gajah Jantan”
(Marzuki Ali 2000: 43)

Penggunaan daksi ‘ia meraung’ dan ‘mencucuri air mata pedih’ memberi gambaran kesedihan Gajah terhadap gangguan habitatnya sehingga segala sumber makanan dan minumannya tercemar dan akhirnya tersungkur tewas keracunan akibat ‘persekitaran yang ternoda’. Kisah tragedi ini turut memberikan kesan emotif tersendiri sekiranya posisi gajah ditukar kepada manusia yang turut tergugat ekologi persekitaran. Makanan dan minuman yang menjadi asas kepada setiap kehidupan perlu dilihat sebagai keutamaan baik kepada kehidupan manusia dan haiwan.

Berdasarkan pada konsep eko-kritik, pengarang memiliki etika ekologi yang jelas. Etika ekologi ini antara lain bermaksud sistem nilai yang diamalkan oleh sesebuah masyarakat dan sistem nilai ini berkait langsung dengan perlakuan moral. Evernden (1996: 102) melebarkan lagi definisi etika ekologi kepada *deep ecological movement*:

The ‘deep ecological movement’, the one that concerns itself with the underlying roots of the environment crisis rather than simply its physical manifestation, demands the involvement of the arts and humanities.

Dalam petikan di atas, beliau telah mengajak masyarakat prihatin kepada permasalahan alam sekitar dan mengajak budayawan termasuk sasterawan dan humanis untuk memperjuangkan dan memelihara alam sekitar tanpa pencemaran. Etika ini sangat positif kerana sikap dan tindakannya yang mesra alam demi kesejahteraan manusia sejagat. Menurut Howarth (1966: 71) bahasa adalah alat

yang digunakan oleh pengarang untuk mengungkap tentang kehidupan manusia dan bukan manusia dan dalam konteks kritikan eko ianya berhubung dengan persoalan yang berkaitan dengan ekologi dan etika ekologikal:

All writers and their critics are struck with languages, and although we cast the nature and culture as opposites, in fact they constantly mingle, like water and soil in a flowing stream.

Howarth melihat alam dan budaya yang merangkumi bahasa tidak dapat dipisahkan. Bahasa mampu bertindak dalam jalanan alam sekitar dan budaya atau dengan erti kata lain yang lebih tepat antara ekologi dan etika ekologikal. Dalam konteks teks kajian bahasa ringkas yang mudah difahami dalam karya puisi dan skrip drama menjadikan karya Marzuki Ali mudah difahami dan menjelaskan maksud secara langsung. Kemampuan ini memang menyerlah dalam karya-karya dianalisis.

Menerusi pendekatan eko-kritik, pemikiran Marzuki Ali dikategorikan sebagai pergerakan *deep ecological* sebagaimana yang dicipta oleh Arnee Naess, seorang ahli falsafah Norway (Campbell 1996:132) yang mana diperjelaskan oleh Evernden (1996: 102) tentang keprihatinan terhadap permasalahan alam sekitar. Etika *deep ecological* adalah sikap yang memperlihatkan setiap unsur alam sekitar itu saling berhubungan antara satu sama lain dan manusia sebagai salah satu komponen di dalamnya dituntut untuk memelihara hubungan ini sebaik mungkin. Puisi “Selamatkan Sumber Air Bersih” dan “Sayangi Sungai Kita!” seperti sebuah kempen mengajak masyarakat memahami hakikat kewujudan sungai dan hubungan dengan kehidupan manusia. Puisi yang bersifat didaktik itu memenuhi kriteria di bawah etika *deep ecological*:

...
selamatkan subur hijauan pohonan
selamatkan ikan-ikan jinak berenang
selamatkan air mineral khasiatnya
menyegarkan jiwa raga warganya
demi harga sungai kehidupan kita
demi air minum penyambung zuriat jelata
jangan cemari ia sungai bersih
jangan meracuni membunuh setia kasih
...

“Selamatkan Sumber Air Bersih”
(Marzuki Ali 2000: 110)

sungai adalah warisan bangsa
yang diperturunkan sejak moyang poyang kita wujud,
sungai adalah peradaban sejarah silam
yang tumbuh sampai kini dan besok

sungai adalah kita yang mewarisinya
untuk generasi mendatang dengan bersih tak tercemar.

...

“Sayangi Sungai Kita”
(Marzuki Ali 2008: 18)

Penggunaan diksi ‘*sungai adalah warisan bangsa*’ dan ‘*peradaban sejarah silam*’ merupakan kata hikmat penyair dalam menegaskan perihal penting sungai kepada masyarakat. Warisan dan peradaban bangsa merupakan satu perkara yang besar dalam komuniti masyarakat Melayu di mana dalamnya tersirat jati diri, maruah dan peribadi perlu ditatang dengan penuh tanggungjawab kerana sungai ini menurut penyair suatu yang hidup dan ‘*tumbuh sampai kini dan besok*’. Pertumbuhan atau kesinambungan hayat sungai memerlukan perhatian serta komitmen masyarakat secara bijak dan berhemah.

Marzuki Ali dalam puisi-puisi yang dianalisis memupuk nilai kemanusiaan melalui rasa simpati, peduli dan tanggung jawab terhadap alam sekitar. Kisah penderitaan makhluk hutan yang terancam akibat pembangunan divisualkan dalam *Jeritan Satwa Luka dan Bungkau Rimba Hujan Tropika* melalui pendekatan eko-kritik dan gaya dramatik berjaya menimbulkan kesan simpati dalam kalangan pembaca. Pendekatan ini secara tersembunyi mampu menebalkan naluri dan fitrah kemanusiaan serta memotivasi pembaca terhadap tanggung jawab dalam melestarikan alam sekitar.

Subjek Harimau, Gajah, Buaya, Penyu dan Burung Enggang merupakan antara haiwan yang cukup mendapat perhatian Marzuki Ali. Kisah haiwan-haiwan ini diulang-ulang dalam kumpulan puisi yang dianalisis. Senario ini merupakan satu intertekst dari karya-karya beliau yang terdahulu. Sebagai contoh isu Harimau terdapat dalam puisi “Anak Harimau Malaya” (Marzuki Ali 2008: 123), “Sang Harimau” (Marzuki Ali 2000: 4) manakala Gajah terdapat dalam puisi “Pejuang Terakhir Seekor Gajah Jantan” (Marzuki Ali 2000: 42), “Gajah Afrika” (Marzuki Ali 2000: 49) dan “Gajah” (Marzuki Ali 2008: 48). Puisi-puisi ini memperlihatkan perjuangan untuk hidup oleh haiwan berkenaan dalam suasana habitat mereka yang terancam. Kisah kekeluargaan, perpaduan dan perjuangan yang berakhir dengan tragedi ini berupaya membuka minda masyarakat berhubung dengan pemuliharaan alam sekitar.

Sebagai contoh puisi “Anak Harimau Malaya” salah satu puisi yang memperlihatkan unsur kasih sayang dalam komuniti haiwan sehingga mencetuskan rasa emotif di kalangan pembaca. Kisah tragik dalam puisi ini mampu menebalkan rasa

kemanusiaan seterusnya berdaya menjentik perasaan cakna dan peduli pada kehidupan rimba:

...
anak harimau Malaya itu sempat terbayangkan
wajah-wajah antara wajah angker bapaknya
juga wajah anggun ibunya yang menyayangi
yang selalu mendampinginya dengan kasih sayang dan
manja!

...
tetapi segala kasih sayang yang diterimanya dari ibu sejati
telah dirampas oleh bunyi bedilan kuat
yang memaksa dia tidak boleh menoleh ke belakang
tetapi memaksanya terus lari masuk ke dalam hutan
bersembunyi menyelamatkan diri
dia membayangkan bagaimana wajah ibunya terburjur
kaku di tanah
dan pemburu yang cekatan itu yang memang haus darah
harimau
akan berpesta ria sambal memotret mangsa
dengan ketawa menyaangi ibunya tersebut
sebelum mati!

....

“Anak Harimau Malaya”
(Marzuki Ali 2008: 123-125)

Kisah pembunuhan bapa dan ibu anak Harimau Malaya ini yang dibedil oleh pemburu telah merampas kasih sayang dan keakraban ibu sejati dan anak harimau hanya sempat membayangkan ‘antara wajah angker bapaknya’ dan ‘wajah anggun ibunya yang menyayangi’ bilamana ia terpaksa lari menyelamatkan dirinya. Diksi ‘dia membayangkan bagaimana wajah ibunya terburjur kaku di tanah’ turut memberi gambaran yang sadis dan emotif pada pembaca. Perasaan kasih sayang, kerinduan antara haiwan ini turut memberikan refleksi pada nilai kemanusiaan kepada manusia sejagat.

Puisi “Pejuang Terakhir Seekor Gajah Jantan” turut memvisualkan kesan simpati terhadap seekor gajah yang akhirnya mati akibat keracunan makanan dan minuman kesan dari pembukaan kawasan hutan baharu. Harapan Marzuki, kesan dari simpati ini mampu menjadi teladan kepada semua ahli masyarakat yang terlibat dalam pembangunan lebih berhati-hati dengan mengambil kira tentang kehidupan lain:

ia meraung untuk rimbanya yang telah musnah
kayu-kayan yang sekalian dibabat manusia
ia mencucuri air mata pedih
kerana polah insani haloba
yang lebih mementingkan pembukaan hutan
untuk dijadikan ladang pembangunan
berhektar-hektaran

...

ia rebah tersungkur di debuan tanah pasir
merah yang kian tercemar
air sungai tercuka dan racun membunuh
ia akhirnya tewas bersama haknya
persekitaran yang ternoda!

“Pejuang Terakhir Seekor Gajah Jantan”
(Marzuki Ali 2000: 43)

Penggunaan dikesi ‘ia meraung’ dan ‘mencucuri air mata pedih’ memberi gambaran kesedihan dan kesengsaraan gajah kesan terhadap gangguan habitatnya sehingga segala sumber makanan dan minumannya tercemar dan akhirnya tersungkur tewas keracunan akibat ‘persekitaran yang ternoda’. Sumber air minum dari sungai yang tercemar telah menyebabkan sang gajah keracunan dan akhirnya terbunuh. Kisah tragedi ini turut memberikan kesan emotif tersendiri sekiranya posisi gajah ditukar kepada manusia yang turut tergugat ekologi persekitaran. Makanan dan minuman yang menjadi asas kepada setiap kehidupan perlu dilihat sebagai keutamaan baik kepada kehidupan manusia dan haiwan. Tindakan menggugat kitaran ekologi ini boleh dianggap sebagai satu perbuatan yang melanggar hak asasi kehidupan sejagat.

Marzuki juga dilihat menggunakan alam sekitar dan warganya sebagai metafora atau refleksi kepada kehidupan manusia itu sendiri. Flora, fauna dan komponen dalam hutan rimba ditonjolkan dengan karakter dan penceritaan yang pelbagai ini menjadi lambang kepada variasi dan kepelbagaiannya budaya manusia. Dengan kata lain Marzuki memindahkan alam hutan kepada alam manusia sekali gus menyarankan agar manusia dapat menyelami dan memahami hakikat kewujudan alam flora dan fauna yang turut memiliki perasaan ‘kemanusiaan’ dalam konteks kehidupan dan budaya mereka. Nilai kekeluargaan, keakraban, keberanian, persefahaman dalam komuniti antara contoh yang dapat dikutip dari teks yang turut menjadi nilai positif yang harus diteladani dalam kehidupan harian manusia. Fenomena ini juga bakal menjadi motivasi kepada masyarakat dengan gaya persembahan Marzuki yang sarat dengan pendidikan moral serta nilai dalam menebalkan lagi rasa kemanusiaan sebagai satu fitrah manusia.

Secara keseluruhannya, teks kajian memperlihatkan suara kemanusiaan Marzuki Ali terpancar melalui watak-watak flora dan fauna yang kental dengan nilai serta norma positif dalam mendepani ancaman kelangsungan hidup disebabkan oleh pembangunan dan sikap oportunistis yang berleluasa dan sekali gus menjadi satu medium

perbandingan atau teladan yang baik kepada manusia atau khalayak pembaca. Gaya penyampaian dan bahasa dalam puisi-puisi Marzuki, adalah mudah difahami sesuai dengan konsep ‘kempen kesedaran’ menghargai alam sebagai satu anugerah yang dipertanggungjawabkan.

Dalam kesusasteraan, permasalahan alam sekitar disalurkan melalui penggunaan bahasa yang terpilih bersesuaian dengan hakikat sastera sebagai bahasa yang indah. Menerusi pendekatan eko-kritik, kaedah penyampaian pengarang seperti penggunaan bahasa turut diteliti dan dianalisis. Penilaian dan analisis karya Marzuki Ali bukan sahaja mengambil kira masalah alam sekitar tetapi gaya bahasa dan juga diteliti sebagaimana kenyataan Howarth (1996: 71):

Language theory examine how words represent human and nonhuman life. Criticism judges the quality and intergrity of words and promotes their dissemination.

Menurut Howarth, pemikiran pengarang disalurkan melalui medium bahasa untuk mengungkap kehidupan manusia dan bukan manusia. Beliau melihat alam dan budaya (bahasa) saling berkait di mana bahasa mampu menjalinkan alam sekitar dan budaya. Dalam konteks eko-kritik juga pemikiran Marzuki Ali menyamai pemikiran Sasterawan Negara Usman Awang melalui puisi-puisi beliau seperti “Balada Terbunuhnya Beringin Tua di Pinggir Sebuah Bandaraya” dan “Surat dari Masyarakat Burung kepada Datuk Bandar” yang turut mengemukakan permasalahan yang serius tentang alam sekitar melalui penggunaan bahasa yang indah dan terkesan oleh khalayak pembaca (Sohaimi Abdul Aziz 2014:103) Beliau turut mengulas tentang penggunaan bahasa yang mudah tanpa menggunakan istilah ekologikal yang sarat dengan mesej sains yang berat akan dapat menyampaikan maksud sekali gus memberikan kefahaman kepada pembaca sebagaimana yang turut dipersembahkan oleh Marzuki Ali dalam karyanya yang dianalisis.

Keseriusan Marzuki Ali dalam memperjuangkan alam sekitar turut mendapat perhatian penulis dan pengkritik tempatan. Mohammad Shaidan (2016) mengulas ‘Jeritan Satwa Luka: Dunia Penyajak, Dunia Nyata dan Dunia Pembaca’ dalam buku *Pengarang Terengganu dalam Kritikan*, memperlihatkan kegelisahan Marzuki yang dilontar melalui ikon-ikon dalam arus modenisasi. Ikon satwa, rimba, air dan manusia. Ikon ini berupaya menjelaskan dan memberi kesan terhadap perasaan kita tentang kenyataan dan tanda atau

ikon tersebut menunjukkan kebenaran pada dunia nyata. Manakala Sharif Putera (2016) dalam esei ‘Marzuki Merintih Bagi Pihak Mergasatwa’ dalam buku *Sebuah Tanggapan Tentang Karya dan Orang-orang Sastera* turut melihat keprihatinan terhadap kemasuhan alam sekitar yang diwakili oleh flora dan fauna sebagai mewakili tabiat manusia dalam kehidupan seharian. Suara Marzuki dilihat suara yang mencintai kedamaian, keharmonian dan kesentosaan dan mengutuk kerakusan dalam apa jua bentuk yang berlaku. Dalam buku yang sama dengan tajuk esei ‘Sebuah Percakapan Tentang Marzuki Ali’ turut mengulas kumpulan puisi-puisi Marzuki telah turut melabelkannya sebagai penyair Malaysia yang berwibawa dan setia dengan tema alam secara konsisten. Konsisten, stamina dan fokus adalah antara karakter penulisan Marzuki Ali yang sehingga kini berjaya menghasilkan 17 buah kumpulan puisi dengan pelbagai tema dan subjek. Dalam kepelbagaian tadi, tema alam sekitar menjadi tema yang paling dominan dalam karya-karya beliau. Hampir keseluruhan kumpulan puisi yang telah dihasilkan akan turut menyelitkan dua hingga tiga buah puisi dengan tema alam sekitar.

KESIMPULAN

Alam sekitar, kemanusiaan dan keagamaan merupakan satu pola pemikiran penyair yang universal yang menjadi kunci proses kreatif yang tinggi. Alam, manusia dan agama turut menjadi tunjang budaya sesuatu masyarakat dan bangsa. Ketiga-tiganya saling berkaitan antara satu sama lain serta turut menjadi isu atau tema dalam pelbagai disiplin dalam kesusasteraan. Secara umumnya, hampir keseluruhan teks yang menjadi tumpuan kajian memperlihatkan hubungan manusia dengan alam secara langsung atau sebaliknya. Tema serta subjek dalam teks mempunyai perkaitan rapat antara manusia dan alam sekitar yang menuntut kepada penerapan nilai murni ke arah melestarikan kehidupan sejagat. Tuntutan persefahaman dan saling menghormati antara satu sama lain akan mencipta keharmonian dan kesinambungan kehidupan antara manusia dan alam sekitar.

Eko-kritik dalam karya Marzuki Ali memperlihatkan kesungguhan, keberanian, keprihatinan dan fokus dalam isu-isu tersebut alam sekitar dan kehidupan warga rimba. Ekologi, etika ekologikal dan bahasa yang menjadi elemen dalam eko-kritik ini jelas terkandung dan saling melengkapi dalam karya-karya beliau.

Kaedah penyampaian karyanya sama ada dibaca, dideklamasi atau dilakukan menjadi satu gaya atau ‘signature’ Marzuki Ali dalam menyalurkan pemikirannya pada masyarakat. Latar puisinya yang menyeberangi sempadan geografi seperti Indonesia, Borneo dan Afrika turut menjadikan karya tersebut menjadi sebagai sebuah dokumentasi fizikal dan pembangunan setempat kepada masyarakat umum.

Isu alam sekitar ini merupakan isu yang universal yang turut diperkatakan oleh semua seniman-seniman di seluruh dunia. Pencemaran udara, kelestarian hutan dan pemuliharaan sumber air dan makanan antara beberapa isu masa kini yang diperkatakan melalui pelbagai genre dalam kesenian dan kesusasteraan. Puisi-puisi tentang alam sekitar dan kelestarian hutan rimba yang mendominasi sebahagian besar karya Marzuki Ali wajar menobatkan beliau sebagai seorang aktivis alam sekitar yang berjuang melalui medium kesusasteraan.

RUJUKAN

- Baha Zain. 2014. September yang hitam: Pesan alam suram. Dlm. *Esei dan Puisi Baha Zain*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Glotfelty, Cheryll. 1966. Introduction: Literary studies in an age of environmental crisis. Dlm. *The Ecocriticism Reader*, disunting oleh Glotfelty, Cheryll & Harold, Fromm. Athens and London: The University of Georgia Press.
- Hamoud Yahya Ahmed & Ruzy Suliza Hashim. 2012. An ecocritical reading of selected poems of Muhammad Haji Salleh. *Malay Literature* 25(1): 1-17.
- Howarth, William. 1966. Some Principles of Ecocriticism. Dlm. *The Ecocriticism Reader*, disunting oleh Glotfelty, Cheryll & Harold, Fromm. Athens and London: The University of Georgia Press.
- Jamilah Hj Ahmad, Hasrina Mustafa, Hamidah Abd Hamid & Juliana Abdul Wahab. 2011. Pengetahuan, sikap, dan amalan masyarakat Malaysia terhadap isu alam sekitar. *Akademika* 81(3): 103-115.
- Marzuki Ali. 2000. *Jeritan Satwa Luka*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Marzuki Ali. 2008. *Bungkau Rimba Hutan Tropika*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Marzuki Ali. 2011. *Khazanah Segala Rimbun*. Pulau Pinang: Penerbitan Universiti Sains Malaysia.
- Marzuki Ali. 2018. Pemikiran penyair dalam karya, Muzium Negeri Terengganu. Temu bual, 7 April.
- Mohamad Shaidan. 2016. *Jeritan Satwa Luka*: Dunia penyajak, dunia nyata dan dunia pembaca. Dlm. *Pengarang Terengganu dalam Kritikan*, disunting oleh Sharif Putera. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Mohd. Saberi Muda & Mas Rynna Wati Ahmad. 2017. Puisi ke teater: Transformasi karya Marzuki Ali. *Jurnal Melayu* 16(1): 101-114.
- Mohd. Shafeea Leman. 2010. Pemuliharaan geowarisan di Langkawi Geopark, Malaysia. *Akademika* 80(Disember): 19-30.
- Saroja Dhanapal & Kalai V. Rajakandram. 2014. Literature and the endangered world: a comparative study of selected works of eastern and western poets. *Asian Journal of Education and e-Learning* 2(3): 234-244.
- Sharif Putera (peny.). 2016. Marzuki Merintih Bagi Pihak Mergasatwa. Dlm. Sharif Putera. *Sebuah Tanggapan Tentang Karya dan Orang-orang Sastera*. Kuala Terengganu: Sharif Kreatif.
- Sohaimi Abdul Aziz. 2014. Keprihatinan Usman Awang dalam melestarikan alam sekitar. Dlm. *Dahsyatnya Kesusastraan Memerlukan Kehidupan*, disunting oleh Sohaimi Abdul Aziz. Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia.
- Zainor Izzat Zainal & Suhada Fadzil. 2018. At odds with each other: development and environmental sustainability in Cecil Rajendra's selected poems. *Journal of Language and Communication* 5(2): 283-296.
- Zawawi Ibrahim & Sharifah Zarina Syed Zakaria. 2009. Environment in social science perspectives in Malaysia. *Akademika* 76(1): 43-66.
- Zurinah Hassan. 2010. *Unsur Alam dalam Puisi Melayu Modern*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohd Saberi Muda
Pusat Kelestarian Warisan dan Kebitaraan Melayu
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan
Universiti Kebangsaan Malaysia
43600 UKM Bangi
Selangor
Malaysia
E-mail: mohdsaberibinmuda@gmail.com
- Mas Rynna Wati Ahmad (corresponding author)
Pusat Kelestarian Warisan dan Kebitaraan Melayu
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan
Universiti Kebangsaan Malaysia
43600 UKM Bangi
Selangor
Malaysia
E-mail: masrynna@ukm.edu.my

Received: 10 November 2018

Accepted : 27 Febuari 2019

